

RAAB
MUGA

BAB 3

AYAT-AYAT MAKKI DAN HUBUNGANNYA DENGAN *TARBIYYAH HARAKIYYAH*

3.1 Pengenalan

Al-Qur'an merupakan kitab *Samāwī* terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa syariat terakhir. Ia bukanlah sebuah kitab yang diturunkan oleh Allah SWT secara sekaligus, tetapi diturunkan berperingkat-peringkat dalam tempoh 23 tahun. Tiga belas tahun di Mekah dan sepuluh tahun selepas baginda SAW berhijrah ke kota Madinah.¹²⁵

Ini bermakna, proses penurunan al-Qur'an memakan masa yang agak lama sehingga ia diterima sepenuhnya oleh Rasulullah SAW. Ia bertepatan dan sejajar dengan proses pentarbiahan masyarakat yang memerlukan masa yang agak lama. Al-

¹²⁵ Muhammad bin 'Abd al-Mun'im Khuraybah (1997), *Dirását fī 'Ullüm al-Qur'ān*. T.T.P.: Matba'ah al-Jabalāwī, h. 9-10.

Qur'an sebagai sumber utama Islam telah diturunkan untuk dijadikan rujukan, panduan dan landasan dalam pembentukan individu, masyarakat dan umat.¹²⁶

Penurunan al-Qur'an *Makkī* yang banyak menyentuh persoalan akidah, amat bersesuaian dengan situasi dan kondisi masyarakat pada ketika itu yang berada dalam kesesatan dari segi akidah. Penyerapan dan penyemaian akidah merupakan tarbiah yang dapat menjalankan ikatan pertalian yang erat antara manusia dengan Penciptanya *Rabb al-Jalil* dalam semua keadaan. Malah secara tidak langsung ia memberi kesan terhadap pentarbiahan masyarakat dari aspek akhlak dan ibadah yang turut difokuskan juga dalam ayat-ayat *Makkī*.¹²⁷

Walau bagaimanapun, setiap kejayaan memerlukan pengorbanan. Masyarakat tidak mudah untuk menerima sesuatu yang baru setelah sekian lama mereka berpegang dengan kepercayaan masing-masing seperti penyembahan berhala, tahlul dan sebagainya. Ini memberi tamparan yang hebat kepada Rasulullah SAW dalam berdakwah dan mentarbiah masyarakat pada ketika itu.

Namun begitu, baginda SAW tetap melaksanakan tanggungjawabnya sebagai utusan Allah SWT dalam menyampaikan wahyu Allah SWT kepada umat manusia.

¹²⁶Fauzi bin Deraman (1997), "Metodologi al-Qur'an dalam Membentuk Masyarakat Madani" (Himpunan Kertas Kerja Seminar Tafsir Al-Qur'an 1997 di Universiti Malaya), h. 23.

¹²⁷Ahmad Mohd Salleh (1997), *op.cit.*, h.19.

Justeru itu, baginda SAW telah mengatur strategi dengan membentuk suatu gerakan teratur yang akhirnya membawa kepada tertubuhnya harakah secara tidak langsung.

Oleh itu, dalam bab ketiga penulis akan menelusuri topik-topik utama ayat-ayat *Makkī* dan disusuli dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan *Tarbiyyah Harakiyyah* termasuklah definisi, hubungan antara ayat-ayat *Makkī* dan *Tarbiyyah Harakiyyah*, ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Harakiyyah*.

3.2 Topik-topik Utama Ayat-ayat *Makkī*

Al-Qur'an *Makkī* memainkan peranan yang sangat penting dalam mentarbiah umat manusia menjadi individu beriman dan berakhlak mulia. Suasana masyarakat pada awal Islam yang hidup dalam kejahilan agama, dan terpesong jauh dari ajaran-ajaran asal yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Nabi-nabi terdahulu memerlukan suatu petunjuk dan hidayah untuk membimbing mereka ke arah jalan yang benar.

Rentetan itu, Allah SWT telah mengutus Rasulullah SAW untuk mentarbiah dan membimbing umat berdasarkan kandungan al-Qur'an. Berasaskan kandungan al-Qur'an inilah, didapati dalam ayat-ayat *Makkī* terdapat beberapa topik yang difokuskan sebagaimana yang dijelaskan dalam bab dua. Secara umumnya topik-

topik tersebut berkaitan dengan persoalan akidah, ibadah, akhlak dan kisah-kisah šilam.

3.2.1 Topik Akidah

Topik akidah adalah tumpuan paling utama ayat-ayat *Makkī* dan menjadi asas penting dalam pembentukan masyarakat Islam. Ia adalah salah satu ajaran yang menyentuh tentang tauhid iaitu ajaran mengenai ketuhanan yang menyeru ke arah penyembahan Tuhan Yang Maha Esa yang serba sempurna dan menguasai alam ini. Ajaran *monoteisme*¹²⁸ ini menentang segala bentuk amalan syirik, kepercayaan karut dan penyembahan berhalau.

Secara umumnya akidah adalah satu perkataan berasal dari bahasa Arab iaitu *‘aqidah* (عَقْيَدَة) yang merupakan pecahan dari perkataan *‘aqd* (عَدْ) yang bermaksud akad, ikatan yang kuat, simpulan, pegangan, tambatan dan sebagainya.¹²⁹ Berpandukan kepada asal perkataan tadi, akidah boleh difahami sebagai kepercayaan

¹²⁸ *Monoteisme* bermaksud kepercayaan bahawa tuhan itu hanya tunggal. Sila lihat Noresah Baharom (1998), *op.cit.*, h. 897.

¹²⁹ Ibn Manzūr (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 296. Lihat juga Ibrahīm Muṣṭafā (1989), *op.cit.*, j. 1, h. 613-614.

yang terikat erat dan tersimpul kuat dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terlerai atau terurai.¹³⁰

Ia juga merujuk kepada perkara-perkara yang wajib dibenarkan oleh hati kerana dengan kepercayaan tersebut ia memberi ketenangan, keyakinan dan tidak timbul sebarang syak serta keraguan terhadap diri seseorang. Ia dapat melahirkan keyakinan dan keteguhan yang kuat dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadah kepada Allah SWT.¹³¹

Aqidah Islam terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama, menyentuh aspek *Ilāhiyyāt* atau Ketuhanan. Perkataan *Ilāhiyyāt* ini bermaksud kepercayaan yang *jāzim* atau tetap bahawa Allah SWT merupakan Tuhan yang sebenarnya. Tidak ada Tuhan selain daripada-Nya. Dia-Lah yang Maha Esa dan berhak disembah.¹³² Perbincangan aspek ini tertumpu kepada Zat Allah, nama-nama dan sifat-sifat-Nya serta perbuatan-Nya. Ianya merupakan perkara-perkara yang wajib dipercayai dan diyakini oleh setiap manusia.¹³³

¹³⁰ Mohd. Sulaiman bin Yasin (1985), *Islam dan Aqidah*. Selangor: al-Qomari Sdn. Bhd, h.246.

¹³¹ Ḥasan al-Bannā (1990), *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Syahīd al-Bannā*. Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, h. 415.

¹³² Muḥammad Nā'im Yāsīn (t.t.), *al-Imān Arkāmū Ḥaqīqatuh Nawāqiduh*. T.T.P.: Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 11.

¹³³ Al-Bannā (1990), *op.cit.*, h. 418.

Bahagian kedua pula menyentuh aspek *Nubuwwāt*. Perkataan *al-Nubuwwah* (النبوة) dari segi bahasa ialah perkataan bahasa Arab yang diambil dari kata nama *al-Naba'* (النبأ) yang bermaksud pemberitahuan, perkhabaran atau penyampaian berita. Atau perkataan *al-Nubuwwah* (النبوة) di ambil daripada kata nama *al-Nabwah* (النبوة) yang bermaksud apa yang terartgkat atau tinggi dari bumi. Dengan lain perkataan, kedudukan seseorang itu lebih mulia dari segala makhluk.¹³⁴ Dari sudut istilah, perkataan *al-Nubuwwah* (النبوة) bermaksud seorang hamba yang menjadi pilihan Allah SWT dari kalangan hamba-hamba-Nya dengan menurunkan wahyu kepadanya.¹³⁵ Pengertian ini jelas merujuk kepada Nabi dan Rasul.

Al-Nubuwwāt atau kenabian ini merupakan aspek yang sangat penting dalam akidah Islam dan termasuk di dalam salah satu Rukun Iman. Tanpanya akidah Islam akan runtuh dan rosak. Ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan hakikat ketuhanan yang hak (*al-Ulūhiyyah*),¹³⁶ sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Qur'an:

¹³⁴ Ibn Mānzūr (1994), *op.cit.*, j. 1, c. 3, h. 163.

¹³⁵ Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydāni (1994), *al-Āqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 266.

¹³⁶ Mohd Sulaiman Yasin (1977), *Aqidah Muslim* 2. Bangi: Yayasan Salman, h. 6-7.

فَرُّوا إِلَى اللَّهِ إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ (٥٠) وَلَا تَجْعَلُوا مَعَ اللَّهِ
إِلَهًا آخَرَ إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ (٥١)
Surah al-Dhāriyāt (51): 50-51.

Maksudnya:

"(Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka): "Maka segeralah kamu kembali kepada Allah (dengan bertaubat dan taat), sesungguhnya aku diutuskan Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran yang nyata. "Dan janganlah kamu adakan tuhan yang lain bersama Allah (dalam kepercayaan kamu), sesungguhnya aku diutus oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi amaran yang nyata".

Topik perbincangannya adalah berkaitan dengan Nabi SAW dan tertumpu kepada aspek perutusan Rasul-rasul, keperluan manusia kepada Rasul-rasul, tugas-tugas para Rasul, *‘ismah* para Nabi dan Rasul, wahyu dan mukjizat.¹³⁷

Manakala bahagian ketiga ialah *sam‘iyāt* iaitu perkara-perkara yang tidak mampu diterima oleh akal fikiran tetapi hanya memadai dengan mendengar dari sumber yang benar iaitu berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith.¹³⁸ Perkara-perkara yang berkaitan dengan *sam‘iyāt* ini ialah kehidupan di alam kubur, hari kebangkitan dan perhimpunan, hari akhirat dan peristiwa yang berlaku sepanjang hari tersebut, telaga Nabi SAW dan syafaatnya serta syurga dan neraka.¹³⁹

¹³⁷ c. Alī c. Abd al-Halīm Maḥmūd (1991), *Manhaj al-Tarbiyyah c. Ind al-Jkhwān al-Muslimin*. Mansūrah: Dār al-Wafā', h. 425.

¹³⁸ c. Alī c. Abd al-Halīm Maḥmūd (1992), *Ma‘a al-‘Aqīdah wa al-Ḥarakah wa al-Manhaj fī Khair Ummah Ukhrijat li al-Nās*, c. 2. Mansūrah: Dār al-Wafā', h. 4.

¹³⁹ c. Alī c. Abd al-Halīm Maḥmūd (1991), *op. cit.*, h. 429-430.

3.2.2 Topik Akhlak

Akhlak ialah *hai'ah*, hal atau sifat dalam diri atau jiwa manusia yang telah tetap, sehingga dengan mudah dan senang mendorong dan melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa difikir-fikir atau dirancangkan. Jelasnya, suatu perilaku yang baik atau buruk memerlukan dua syarat iaitu mudah dan senang melakukannya tanpa memerlukan pemikiran dan perancangan ketika adanya suatu peristiwa atau suasana yang menyentuh sifat yang telah tetap dalam diri atau jiwanya kerana telah menjadi kebiasaan.¹⁴⁰

Dalam topik akhlak, ia menjelaskan tentang sifat-sifat peribadi muslim yang sejati. Umat manusia digesa meninggalkan sifat-sifat mazmumah atau tercela yang menjadi kebiasaan masyarakat jahiliah pada waktu itu seperti membunuh, berzina, mencuri, menindas sesama manusia dan merompak. Sebaliknya Allah SWT menggesa umat manusia mengamalkan sifat-sifat mahmudah atau terpuji seperti jujur, amanah, ikhlas dan sebagainya.¹⁴¹ Antara contoh ayat-ayat *Makkī* yang berkaitan dengan topik akhlak ini ialah:

¹⁴⁰ Mohd Sulaiman Yasin (1992), *Akhlaq dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Mas'adah (M) Sdn. Bhd., h. 20.

¹⁴¹ Abd al-Karīm Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 83.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرِبُوا الزَّنْجِي إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا (٣٢)

Surah al-Isrā' (17): 32.

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)".

Firman Allah SWT lagi:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا
بِالْحَقِّ وَلَا يَرْثُونَ وَمَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَمًا (٦٨)

Surah al-Furqān (25): 68.

Maksudnya:

"Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah SWT, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah SWT mem bunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya".

3.2.3 Topik Ibadah

Dari segi bahasa, ibadah bermaksud merendah diri, tunduk, patuh dan taat.¹⁴² Dari segi istilah pula ibadah ialah sebuah kata yang menyeluruh, meliputi apa sahaja yang disukai dan diredayai Allah SWT mencakupi perkataan, perbuatan dan kesemua amalan zahir dan batin.¹⁴³

Dalam topik ibadah pula menjelaskan tentang bentuk amalan keagamaan yang khusus sebagai satu bentuk sistem berkomunikasi dan menghambakan diri kepada Allah SWT. Contohnya ialah sembahyang, membaca al-Qur'an dan berzikir. Malah Allah SWT mengecam segala bentuk amalan peribadatan zaman jahiliyah seperti menyembah berhala, bulan, matahari dan sebagainya.¹⁴⁴ Antara contoh ayat-ayat *Makkī* yang berkaitan dengan topik ini ialah:

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ نَهَىٰنَا عَنْ لِرَبِّهِمْ سُجْدًا وَقِيَامًا (٦٤)
Surah al-Furqān (25): 64.

¹⁴² Ibn Manzūr (1994), *op.cit*, j. 3, c. 3, h. 272.

¹⁴³ Ibn Taymiyyah (1399H), *al-'Ubudiyah*, c. 5. Beirut: al- Maktab al- Islamiyyah, h. 38.

¹⁴⁴ Muhammad Qutb (2001), *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, c. 15. Kaherah: Dār al-Syurūq, h. 303.

Maksudnya:

"Dan mereka (yang diredayai Allah SWT itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadah kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri."

Firman Allah SWT lagi:

فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَإِنَّهُمْ رَبُّهُمْ فِي رَحْمَتِهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ (٣٠)
Surah al-Jāthiyah (45): 30.

Maksudnya:

"Adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan dimasukkan oleh Tuhan mereka ke dalam rahmat-Nya; yang demikian itu ialah kemenangan yang besar".

3.2.4 Topik Kisah-kisah Silam

Kisah-kisah silam merupakan ajaran mengenai kisah-kisah para Nabi dan masyarakat zaman silam yang diceritakan semula dalam al-Qur'an sebagai pengajaran untuk manusia. Contohnya kisah Nabi Yusuf, Nabi Musa, Nabi Ibrahim dan tentang kesombongan Fir'aun, sifat tamak Qarun dan kezaliman Namrud.¹⁴⁵ Antara contoh ayat-ayat *Makkī* yang berkaitan dengan topik kisah-kisah silam ini ialah firman Allah SWT:

¹⁴⁵ ^c Abd al-Rahmān al-Nahlawi (1977), *al-Tarbiyyah bi al-^cIbārah*. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 44.

وَقَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مُوسَى بِالْبَيِّنَاتِ فَاسْتَكْبَرُوا فِي
الْأَرْضِ وَمَا كَانُوا سَابِقِينَ (٣٩)
Surah al-Ankabüt (29): 39.

Maksudnya:

"Dan (ingatkanlah juga peristiwa kebinasaan) Qarun dan Firaun serta Haman. Dan demi sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang jelas nyata, lalu mereka berlaku sombang takbur di bumi (mendustakannya), padahal mereka tidak dapat melepaskan diri (dari azab Allah SWT)".*

Firman Allah SWT lagi:

وَجَاءَ فِرْعَوْنُ وَمَنْ قَبْلَهُ وَالْمُؤْتَكَاتُ بِالْخَاطِئَةِ (٩) فَعَصَوْا رَسُولَ رَبِّهِمْ
فَأَخْذَهُمْ أَخْذَةً رَأْبَةً (١٠)
Surah al-Hāqqah (69): 10.

Maksudnya:

"Dan (selain dari mereka) datanglah Firaun, dan orang-orang yang terdahulu daripadanya, serta penduduk negeri-negeri yang telah ditunggang balikkan dengan melakukan perkara-perkara yang salah. Iaitu masing-masing menderhaka kepada Rasul (yang diutuskan oleh) Tuhan mereka, lalu Allah SWT menyeksa mereka dengan azab yang sentiasa bertambah".

Silat lihat surah Ghāfir (40): 23-24, surah al-Qaṣāṣ (28): 76-83, surah Yūnus (10): 88-92, surah al-Qamar (54): 42-42, surah al-Nāzī'at (79): 23-26, surah al-A'rāf (7): 143-145 dan surah al-An'am (6): 84.

Keempat-empat topik di atas adalah cakupan persoalan yang terdapat dalam ayat-ayat *Makkī*. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa topik akidah adalah asas utama perbincangan ayat-ayat *Makkī* berbanding dengan topik-topik lain yang hanya bersifat tuntutannya.

3.3 Definisi *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*

Para sarjana Islam telah mengemukakan pelbagai definisi berhubung dengan pengertian *tarbiyyah* dan *ḥarakiyyah*. Walaupun begitu, ia tetap membawa maksud yang sama kerana daripada pengertian *tarbiyyah* dan *ḥarakiyyah* itu sendiri membawa erti tunduk kepada tuntutan akidah, syariat dan akhlak Islam.¹⁴⁶

Secara umumnya *tarbiyyah* merupakan kata nama terbitan bahasa Arab yang berasal dari kata dasar *Rabbun* (رَبُّ), yang membawa erti mengasuh, memelihara atau memimpin. Kata-kata ini juga dapat diertikan sebagai memiliki, mentadbir, menguasai dan memperbaiki selain memimpin atau mendidik.¹⁴⁷

¹⁴⁶ Ahmad Mohd Salleh (1997), *op.cit.*, h.10.

¹⁴⁷ Ibn Manzūr (1994), *op.cit.*, j. 1, c. 3. h. 399.

Perkataan *rabbun* (رَبْ), mengandungi dua konotasi iaitu Tuhan dan yang

mentadbir alam. Allah SWT menjadikan alam bukanlah dengan sia-sia bahkan tiap-tiap ciptaan mempunyai tujuan dan kepentingan tertentu terutamanya bagi kemaslahatan manusia. Allah SWT sentiasa memberi bimbingan dan pemeliharaan supaya masing-masing dapat berperanan bagi mengabdikan diri kepada Penciptanya sesuai dengan sifat dan kepentingannya. Justeru itu, kata dasar *rabbā* (رَبّ) bertepatan dengan pengertian memiliki, mentadbir, memimpin dan sebagainya.¹⁴⁸

^cAbd al-Rahmān al-Nahlāwī dalam bukunya “*Uṣūl al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*” menyatakan bahawa perkataan *al-tarbiyyah* dari segi etimologi berasal dari kata kerja *rabbā-yurabbī* (رَبّي - يُرَبِّي), yang bermaksud berkembang dan membesar. Manakala Imām al-Bayḍāwī mengatakan bahawa perkataan *al-tarbiyyah* yang berasal dari perkataan *al-rabb* (أَرْبَبْ) bermaksud menyampaikan sesuatu sedikit demi sedikit sehingga ke tahap kesempurnaan.¹⁴⁹

¹⁴⁸ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruh di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5-6.

¹⁴⁹ Khālid ^cAbd al-Karīm al-Khayyāt (1991), *al-Uṣūl al-Tarbawī li al-Da'wah ilā Allāh fī al-'Aṣr al-Hādir*. T.T.P.: T.P., h. 23.

Dari segi istilah pula, tarbiah merupakan cara pergaulan yang terbaik dan sejelas dengan fitrah manusia sama ada ianya berlaku secara langsung melalui perkataan atau tidak langsung melalui contoh teladan, berdasarkan cara atau kaedah yang khusus dan tertentu supaya manusia berubah ke arah yang lebih baik.¹⁵⁰

Selain itu, tarbiah juga bermaksud suatu proses yang berlaku secara beransur-ansur, mempunyai maksud dan tujuan tertentu ke atas setiap individu dalam masyarakat supaya mereka mengenali Penciptanya berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang diambil dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia juga berperanan membawa manusia ke arah kehidupan yang baik dan seimbang pada roh, akal, rohani, jasmani dan pembentukan masyarakat.¹⁵¹

Berdasarkan kepada definisi yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa tarbiah merupakan proses mendidik dan melatih *aqliyyah*, *jasmāniyah* dan *rūḥāniyyah* manusia berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertaqwa dan mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT.¹⁵²

¹⁵⁰ Ḥaḍīth Ḥuḍārī: Ḥuḍārī (1991), *Wāsi'at al-Tarbiyyah 'ind al-Ikhwān al-Muṣlimīn*, c. 6. Maṣṭūrah: Dār al-Wafā', h. 15.

¹⁵¹ Al-Khayyāt (1991), *op.cit.*, h. 24.

¹⁵² Ahmad Mohd Salleh (1997), *op.cit.*, h. 12.

Manakala perkataan *harakiyyah* pula merupakan kata sifat yang diambil dari perkataan *haraka* (حَرْكَة) yang bermaksud pergerakan, amalan dan perlaksanaan.

Lawan perkataannya adalah kaku dan tidak bergerak.¹⁵³ Harakah juga bermaksud perubahan yang berterusan. Perkataan harakah jika dilihat pada aspek kemasyarakatan ia merujuk kepada perubahan drastik yang berlaku kepada sesuatu atau beberapa lapangan kegiatan manusia. Manakala jika dilihat pada *'amal Islāmī* atau kerja Islam, harakah bermaksud kemampuan bergaul dengan manusia dan mencintai mereka serta bersedia memberikan khidmat dan menarik perhatian mereka dalam melaksanakan kerja-kerja Islam.¹⁵⁴

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* ialah tarbiah yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk mendidik, membentuk dan melatih jasmani, rohani, emosi dan intelek manusia bagi melahirkan insan-insan yang sanggup berjuang dan berkorban demi menegakkan syiar Islam.

¹⁵³ Ibn Manzūr (1994), *op.cit.*, j. 10, h. 410.

¹⁵⁴ 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Mahmūd (1992), *op.cit.*, h. 21.

3.6 Hubungan Antara Ayat-Ayat *Makkī* dan *Tarbiyyah Harakiyyah*

Tarbiyyah Harakiyyah dalam konteks ayat-ayat *Makkī* adalah tarbiah yang merujuk kepada madrasah Rasulullah SAW. Bagindalah pengasas kepada gerak kerja secara berkumpulan atau berjemaah sebagai perintis kepada pembentukan harakah. Rasulullah SAW telah memilih tenaga-tenaga teras untuk dijadikan tulang belakang kepada permulaan dakwahnya dan disatukan mereka dalam satu jemaah.

Mereka dididik dan ditarbiah secara khusus oleh baginda SAW untuk menjadi para mujahid masa depan yang bukan sekadar beramal dengan Islam tetapi juga rela berkorban mempertahankannya. Baginda SAW menjadikan rumah al-*Arqām* bin Abī al-*Arqām* (iaitu salah seorang sahabat yang beriman) sebagai markas tempat perkumpulan rahsia orang-orang beriman kerana kedudukan rumahnya yang jauh dari penempatan musyrikin Quraisy.¹⁵⁵

Di sinilah Rasulullah SAW menjalankan aktiviti keagamaan dalam bentuk usrah atau memberi pengajaran dalam kumpulan kecil. Baginda SAW menyampaikan segala isi pengajaran yang terkandung dalam al-Qur'an sebagaimana terdapat dalam perbincangan penulis mengenai topik-topik ayat *Makkī*.

¹⁵⁵ Ahmad Adnan Fadzil (2001), *Jihad Peperangan Rasulullah SAW*, c. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, h. 53.

Hasil daripada tarbiah inilah akhirnya Rasulullah SAW berjaya melahirkan para sahabat yang sanggup berkorban untuk Islam dan umatnya. Gerak kerja secara berkumpulan atau *“amal jamā’ī* telah mewujudkan penyatuan, kerjasama dan permuafakatan dalam sebarang keputusan yang diambil. Contohnya, ketika Rasulullah SAW diancam untuk dibunuh, para sahabat membuat perancangan yang teratur di mana Sayyidina Ali mengantikan tempat tidur baginda SAW, Sayyidina Abu Bakar menemaninya, manakala Asmā’ bint Abu Bakar menghantar makanan dan khadamnya pula menghilangkan jejak-jejak kaki perjalanan Rasulullah SAW.¹⁵⁶

Oleh sebab itu, tarbiah merupakan asas yang utama dan sangat penting bagi harakah Islam kerana inilah agenda perubahan yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Malah ia merupakan *manhaj* al-Qur'an dalam mengubah manusia dan membentuk mereka menjadi individu yang sanggup memikul risalah Islam.¹⁵⁷

Dengan ini, jelaslah bahawa tarbiah dan harakah mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Tanpa tarbiah maka tidak terbina sebuah harakah yang sempurna kerana tarbiahlah yang membimbing jiwa dan memadu ahlinya di atas fikrah yang sama dan kesatuan hati. Begitu juga sebaliknya, tanpa harakah tidak mungkin tarbiah dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

¹⁵⁶ Burhanuddin bin Abdullah (1997), *op.cit.*, h. 77.

¹⁵⁷ Annuar Salleh (2000), *Konsep Siyasah Syar’ieyah dalam Harakah Islamiah*, c. 1. Selangor: Penerbitan Teras Bakti, h. 137.

Kejayaan Rasulullah SAW mentarbiah para sahabat sehingga terbentuk sebuah harakah atau jemaah Islam yang pertama di kota Mekah, merupakan perkara yang perlu diberi perhatian kerana harakah yang dibina oleh baginda SAW ini bukan sahaja mengandungi *Tarbiyyah Islāmiyah* yang berdasarkan kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul SAW malahan, kewujudan baginda SAW sebagai seorang *murabbi* dan role model yang terbaik telah menjadi sumber ikutan, teladan dan kekuatan kepada masyarakat Islam Mekah.¹⁵⁸

3.5 Ciri-ciri *Tarbiyyah Harakiyyah*

Tarbiyyah Harakiyyah mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Antara ciri-cirinya ialah:

i. Tarbiah *Rabbaniyyah*

Aspek Rabbani¹⁵⁹ atau keimanan di dalam tarbiah ini merupakan aspek yang sangat

¹⁵⁸ Qutb (2001), *op.cit.*, h. 253.

¹⁵⁹ Perkataan Rabbani telah ditafsirkan dalam *tafsir al-Qurṭubī* membawa lebih dari sepuluh makna. Antaranya adalah insan yang dinisahkan kepada tuhan (bukan insan yang menjadi Tuhan atau ketuhanan), insan yang mengetahui agama Tuhan dan beramal dengan ilmu agama tersebut, insan yang berilmu dan bestari, insan yang berilmu dan bertakwa, ulama yang bijaksana, ulama yang memimpin dan mendadiri masyarakat, ilmuan atau ulama yang dapat menghimpunkan ilmu dengan kecelikan atau kesedaran politik, ulama yang mengetahui sejarah umat silam dan sebagainya. Sila lihat Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1999), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 1147.

penting dan mempunyai kesan yang sangat mendalam. Ianya merupakan matlamat utama *Tarbiyyah Harakiyyah* dalam membentuk manusia yang beriman kepada Allah SWT. Keimanan di sini bukanlah sekadar mengetahui maknanya tetapi memerlukan kepada amalan yang menyinari hati manusia dengan keimanan dan bergerak mengikut kehendaknya.¹⁶⁰

Tarbiyyah Rabbaniyyah juga merupakan tarbiah yang berasaskan kepada tautan hati yang hidup bersama Allah SWT dan meyakini pertemuan dengan-Nya serta mengharapkan rahmat dan takut kepada siksaan-Nya. Hati yang hidup inilah tempat letaknya pandangan Allah SWT dan terpancar segala sinaran cahaya Ilahi.¹⁶¹ Firman Allah SWT:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنِينَ (٨٨) إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ (٨٩)
Surah al-Syūrā' (26): 88-89.

Maksudnya:

"Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah SWT dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).

¹⁶⁰ Yūsuf al-Qarādāwī (1992), *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna*, c. 3. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 9.

¹⁶¹ *Ibid.*, h. 10.

bahkan manusia secara keseluruhannya termasuk pemikiran, jasmani dan rohani mereka tidak terkecuali dari menerima *Tarbiyyah Islāmiyyah*. Fitrah semulajadi manusia mengakui dan menerima bahawa *Tarbiyyah Islāmiyyah* ini merupakan penyelesaian segala masalah dan menjadikan hidup mereka bahagia di dunia dan di akhirat.¹⁶³

iii. Tarbiah pasti dan membina

Tarbiyyah Harakiyyah juga merupakan tarbiah yang menuju kepada kepastian dan membina. Kepastian dan membina di sini bermaksud memperkatakan yang hak dan meninggalkan segala kata-kata yang tidak memberi faedah serta mencari keaiban orang lain. Islam telah menitikberatkan kepada setiap muslim supaya segala urusannya mestilah didahului dengan tindakan sebelum berkata-kata.¹⁶⁴ Demikian juga Islam membenci muslim yang melakukan sesuatu perkara yang tidak kena pada tempatnya dan menghabiskan masa dengan tidak melakukan sebarang pekerjaan yang berfaedah.¹⁶⁵ Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَإِذَا سَمِعُوا الْقُوَّا أَغْرَضُوا عَنْهُ وَقَالُوا لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ

لَا يُبْغِي الْجَاهِلِينَ (٥٥)

Surah al-Qaṣāṣ (28): 55.

¹⁶³ Al-Qaraḍāwī (1992), *op.cit.*, h. 23.

¹⁶⁴ *Ibid.*, h. 68.

¹⁶⁵ Al-Qaraḍāwī (1992), *op.cit.*, h. 69.

Maksudnya:

"Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia, mereka berpaling daripadanya sambil berkata: "Bagi kami amal kami dan bagi kamu pula amal kamu; selamat tinggalah kamu; kami tidak ingin berdamping dengan orang-orang yang jahil".

Firman Allah SWT lagi:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُمْ مِنْ فَرَعَ يَوْمَنِ آمُونَ (٨٩)
وَمَنْ جَاءَ بِالْسَّيِّئَةِ فَكُبْتَ وُجُوهُهُمْ فِي الظَّارِ هَلْ تُخَرُّنَ إِلَّا مَا كُشِّفَ
عَمَلُونَ (٩٠)

Surah al-Naml (27): 89-90.

Maksudnya:

"Sesiapa yang datang membawa amal kebaikan (yang telah dikerjakannya) maka ia akan beroleh balasan yang lebih baik daripadanya, dan mereka akan beroleh aman sentosa daripada kejadian-kejadian yang menggerikan pada hari kiamat itu. Dan sesiapa yang datang membawa amal jahat (yang telah dikerjakannya) maka sudah tentu mereka akan ditumuskan mukanya ke dalam api neraka, (sambil dikatakan kepada mereka): "Kamu tidak diberi melainkan balasan apa yang kamu telah lakukan".

jv. Tarbiah seimbang

Tarbiyyah Ḥarakiyyah yang dibina oleh Rasulullah SAW merupakan tarbiah yang seimbang antara akal dan perasaan, kebendaan dan kerohanian, teori dan praktikal, individu dan masyarakat, hak dan kewajipan, yang lama dan baru dan sebagainya.¹⁶⁶

3.7 Objektif *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*

Tarbiyyah Ḥarakiyyah mengambil berat soal-soal yang berkaitan dengan individu-individu dari aspek rohani, jasmani, emosi dan akal. Ini kerana tujuan *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* adalah untuk melahirkan insan-insan yang seimbang dari semua aspek sebagaimana hasil tarbiah Rasulullah SAW kepada para sahabat. Justeru itu, antara objektif *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* ialah:

i. Pengabdian diri kepada Allah SWT

Setiap makhluk yang dicipta oleh Allah SWT bertujuan mengabdikan diri kepada-Nya sebagaimana yang digariskan oleh syarak melalui lidah Rasul-Nya SAW yang tidak berkata mengikut hawa nafsunya, sebaliknya mengikut apa yang telah djiwahyukan kepadanya. Nabi SAW tidak mewajibkan umatnya melaksanakan

¹⁶⁶ Al-Qarādāwī (1992), *op.cit.*, h. 78.

tuntutan ibadah ini semata-mata kerana Allah SWT, melainkan sesudah baginda SAW memberikan penjelasan dan pemahaman terhadap perkara-perkara berikut.¹⁶⁷

- a) Beriman kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab, para Rasul dan hari akhirat serta qada' dan qadar Allah SWT.
 - b) Melaksanakan Rukun Islam yang lima dan mentaati Allah SWT serta meyakini bahawa segala amalan yang dilakukan akan memperolehi pahala yang pasti dihitung oleh Allah SWT.
 - c) Ilmu pengetahuan yang diperolehi hanyalah mengharapkan keredaan Allah SWT dan sentiasa berusaha untuk memperolehinya supaya bumi ini ditadbir oleh khalifah yang mampu mengimarahkannya dan mengambil manfaat segala apa yang dikurniakan oleh Allah SWT di bumi ini.
- ii. Ikhlas kerana Allah SWT

Segala ibadah yang dilakukan hendaklah ikhlas kerana Allah SWT, termasuklah pemikiran dan pertuturan. Inilah tujuan sebenar manusia dijadikan oleh Allah SWT. Keikhlasan bukanlah suatu ungkapan yang boleh dipertuturkan begitu sahaja, malah

¹⁶⁷ ^sAlī ^cAbd al-Halīm Maḥmūd (1991), *op.cit.*, j. 1, h.471.

tuntutan ibadah ini semata-mata kerana Allah SWT, melainkan sesudah baginda SAW memberikan penjelasan dan pemahaman terhadap perkara-perkara berikut:¹⁶⁷

- a) Beriman kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab, para Rasul dan hari akhirat serta qada' dan qadar Allah SWT.
 - b) Melaksanakan Rukun Islam yang lima dan mentaati Allah SWT serta meyakini bahawa segala amalan yang dilakukan akan memperolehi pahala yang pasti dihitung oleh Allah SWT.
 - c) Ilmu pengetahuan yang diperolehi hanyalah mengharapkan keredaan Allah SWT dan sentiasa berusaha untuk memperolehinya supaya bumi ini ditadbir oleh khalifah yang mampu mengimarahkannya dan mengambil manfaat segala apa yang dikurniakan oleh Allah SWT di bumi ini.
- ii. Ikhlas kerana Allah SWT

Segala ibadah yang dilakukan hendaklah ikhlas kerana Allah SWT, termasuklah pemikiran dan pertuturan. Inilah tujuan sebenar manusia dijadikan oleh Allah SWT. Keikhlasan bukanlah suatu ungkapan yang boleh dipertuturkan begitu sahaja, malah

¹⁶⁷ Ḥāfiẓ Abī Ḥāfiẓ Maḥmūd (1991), *op.cit.*, j. 1, h.471.

ia suatu amalan yang memerlukan kepada niat dan keazaman yang benar serta hati yang sentiasa sedar dan mengutamakan segala nikmat pemberian Allah SWT. Selain itu, keikhlasan ini hendaklah disertai dengan tawakal kepada-Nya.¹⁶⁸

iii. Melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah

Melaksanakan kewajipan sebagai khalifah Allah SWT merupakan amanah yang mesti dipikul oleh setiap manusia.¹⁶⁹ Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

الذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّتَبْلُوكُمْ فِي
مَا أَتَكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ
(١٦٥)

Surah al-Anām (6): 165.

Maksudnya:

"Dan Dia-Lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darat, kerana ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

¹⁶⁸ Ḥāfiẓ Abī Ḥāfiẓ Maḥmūd (1991), *op.cit.*, j. 1, h.471.

¹⁶⁹ *Ibid.*

Sila lihat surah al-A^rāf (7): 69, 73, surah Yūnus (10): 14, Surah Fātir (35): 39, dan surah Shād (38): 26.

Allah SWT tidak hanya memilih orang-orang dan kaum tertentu sahaja sebagai khalifah-Nya, tetapi amanah ini dipikul oleh seluruh manusia supaya bumi ini dimakmurkan oleh mereka dan mematuhi segala syariat yang telah ditetapkan oleh-Nya sehingga ke hari kiāmat.¹⁷⁰

Sabda Rasulullah SAW:

اَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya:

*“Ketahuilah bahwa setiap kamu adalah pemimpin dan kamu bertanggungjawab terhadap rakyatnya.”*¹⁷¹

¹⁷⁰ Al-Khayyāt (1991), *op.cit.*, h. 37.

¹⁷¹ Mahy al-Dīn Abī Zakariā Yahyā bin Syarūf al-Nawawī (1999), *al-Minhāj fī Syarh Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Kitāb al-Imārah, Bāb Faḍilah al-Amīr al-Ādil wa “Uqūbah al-Jāir wa al-Ḥath ‘alā al-Rijl bi al-Ru’bah, no. hadis 1829, j. 10, c. 5. Beirut: Dār al-Khyair, h. 529.

iv. Mengikut *manhaj* al-Qur'an

Segala perkerjaan yang dilakukan dalam kehidupan ini hendaklah berdasarkan kepada *manhaj* al-Qur'an. Inilah merupakan satu-satunya *manhaj* yang sesuai dengan fitrah manusia pada setiap masa dan tempat. Ianya tersusun elok mengikut peraturan yang telah dibuat oleh Allah SWT dan boleh diikuti serta dipatuhi oleh seluruh makhluk-Nya termasuk manusia. Namun begitu, pekerjaan yang berasaskan kepada *manhaj* al-Qur'an memerlukan perkara-perkara berikut:¹⁷²

- a) Mengetahui secara umum dan terperinci *manhaj* al-Qur'an.
- b) Berasa bangga dengan *manhaj* al-Qur'an dan mengimani bahawa *manhaj* ini sahajalah yang boleh memperbaiki hidup manusia pada masa sekarang dan akan datang.
- c) Mempercayai bahawa *manhaj* ini bersifat syumul dan saling melengkapi serta mampu memberikan kebahagiaan kepada manusia di dalam kehidupannya dunia dan akhirat.

¹⁷² *Alī Ḥalīm Maḥmūd* (1991), *op.cit.*, j. 1, h. 460

v. Mengembang dan meluaskan pemikiran manusia.

Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menggesa supaya seseorang menggunakan akal fikirannya dan mengembangkannya dengan cara melihat, membuat pemerhatian, dan *tadabbur*. Contohnya, firman Allah SWT:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَي الْإِرْضِ كَيْفَ رُفِعَتْ
وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ (١٧) وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ
وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نَصَبَتْ (١٩) وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ
(٢٠)

Surah al-Ghāsyiah (88): 17-20.

Maksudnya:

"(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya.? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?"

Kesemua ayat ini merupakan seruan kepada manusia supaya berfikir, membuat pemerhatian dan *tadabbur* terhadap kejadian Allah SWT dan keadaan di sekeliling mereka. Ini bertujuan supaya mereka mengenal Allah SWT dan beribadah kepada-Nya sebagaimana yang telah disyariatkan. Oleh sebab itu, dengan akal ini manusia dibebani dengan tanggungjawab dan amanah daripada Allah SWT dan akan dipersoalkannya di akhirat,¹⁷³ sebagaimana firman-Nya:

¹⁷³ ḤAbīb al-Ḥalīm Maḥmūd (1991), *op.cit.*, j. 1, h. 471.

وَلَا تَقْفَ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ
عَنْهُ مَسْتُرًا (٣٦)
Surah al-Isrā' (17): 36.

Maksudnya:

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya".

vi. Mengambil berat terhadap jasmani manusia dan mentarbiahkannya

Islam menuntut manusia supaya mengambil berat terhadap jasmaninya kerana ia merupakan sebahagian dari nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepadanya seperti akal fikiran dan sebagainya. Menjaga, memelihara dan menggunakan nikmat yang diberikan oleh-Nya ini, merupakan antara tanda seseorang mensyukuri nikmat Allah SWT. Oleh sebab itu, Islam menyeru manusia supaya mematuhi dan mengambil berat terhadap perhubungan sesama mereka seperti menghalalkan perkahwinan dan mengharamkan zina serta berpuasa bagi sesiapa yang tidak mampu mendirikan rumah tangga.¹⁷⁴

¹⁷⁴ c. Alī c. Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1991), *op.cit.*, j. 1, h.475.

vii. Mentarbiah akhlak manusia

Tidak dinafikan bahawa agama Islam telah berjaya menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh manusia termasuk masalah ekonominya dengan hanya beriltizam dan mengamalkan akhlak yang mulia. Ini kerana, akhlak Islam merupakan akhlak yang berpandukan kepada wahyu Ilahi, yang mampu memperbaiki kehidupan individu, keluarga dan masyarakat.¹⁷⁵

viii. Tarbiah yang mengutamakan masyarakat

Undang-undang yang ditentukan dalam masyarakat Islam bertujuan supaya seseorang itu mengetahui hak-hak dan kewajipan-kewajipannya terhadap masyarakat dan begitulah sebaliknya, masyarakat juga harus melaksanakan hak-hak dan kewajipan-kewajipannya terhadap individu di dalamnya. Oleh kerana manusia tidak mampu hidup bersendirian, maka dia terpaksa mengenali antara satu sama lain sama ada dengan cara tolong menolong, saling faham memahami dan sebagainya.¹⁷⁶ Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

¹⁷⁵ *‘Alī ‘Abd al-Halīm Mahmūd* (1991), *op.cit.*, j. 1, h. 478.

¹⁷⁶ *Ibid.*, h. 481-482.

tarbiah yang merupakan sebahagian dari *manhaj* Islam. *Manhaj* Islam pada umumnya merupakan *manhaj* yang meliputi segala aspek kehidupan manusia termasuklah kemasyarakatan, politik, pemikiran dan sebagainya.¹⁷⁸

Antara *manhaj Tarbiyyah Harakiyyah* tersebut ialah:

i. *Manhaj al-Qur'an dan al-Hadith*

Manhaj yang diambil dari Islam berpandukan kepada al-Qur'an (sebagaimana objektif *Tarbiyyah Harakiyyah*) dan hadis yang merangkumi sirah Nabi SAW. *Manhaj Tarbiyyah Harakiyyah* tidak akan berpegang selain dari sumber ini melainkan apabila timbul sesuatu masalah yang tidak terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadis, maka ia berpandukan kepada pemikiran yang boleh membawa dan memberikan kebaikan kepada manusia atau menjaga mereka dari sebarang kemudaratan.¹⁷⁹

¹⁷⁸ Alī Ḥalīm Maḥmūd (1992), *op.cit.*, h. 25.

¹⁷⁹ *Ibid.*

ii. *Manhaj* amali/praktikal

Ia bertujuan membolehkan mereka yang memeluk Islam mempraktikkan Islam yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan sama ada pada diri mereka, keluarga, organisasi, persatuan dan sebagainya. Inilah *manhaj* yang membawa kepada pembentukan para mujahid yang mengamalkan Islam sepenuhnya dalam kehidupan mereka.¹⁸⁰

iii. *Manhaj* yang sempurna

Tarbiyyah Harakiyyah bukan sahaja *manhaj* yang mangandungi segala prinsip dan nilai yang diperlukan oleh manusia malah ianya juga mengandungi segala perkara yang mesti dilaksanakan bagi membentuk akhlak dalam kehidupannya. Jemaah yang mempunyai *manhaj* yang sempurna ini membuktikan bahawa kewujudan mereka diterima oleh masyarakat dan diakui oleh musuh-musuhnya.¹⁸¹

¹⁸⁰ c Ali Abd al-Halim Mahmud (1991), *op.cit.*, j. 1, h. 390.

¹⁸¹ *Ibid.*, h. 390-391.

iv. *Manhaj* yang realistik

Manhaj ini mengiktiraf dan mengakui kemampuan dan kekuatan manusia dalam menerima sebarang perubahan yang berterusan di dalam kehidupan mereka.¹⁸² Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تُكَلِّفُ اللَّهَ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا (١٥٢)
Surah al-An'ām (6): 152.

Maksudnya:

"Dan cukupkanlah sukanan dan timbangan dengan betul. Kami tidak memikulkan beban kepada seseorang".

Ayat ini bukan sahaja menjelaskan keupayaan dan kemampuan manusia, tetapi sebagai satu penghormatan kepada mereka apabila tidak mampu melakukan sesuatu tanggungjawab yang di luar batas kemampuan mereka.¹⁸³

v. *Manhaj* yang saling melengkapi antara satu sama lain

Manhaj tarbiah tidak mungkin dipisahkan daripada harakah kerana ia memberi kesan terhadap sistem politik, ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan yang digambarkan oleh sesetengah orang bahawa aspek ini terkecuali dari *manhaj*

¹⁸² Ali Abd al-Halim Mahmud (1991), *op.cit.*, j. 1, h. 391.

¹⁸³ *Ibid.*

tersebut. *Manhaj* ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain kerana ianya berasaskan kepada Islam. Di dalam bidang *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*, *manhaj* ini merujuk kepada tarbiah individu dan meningkatkan potensi kemampuannya dalam menghadapi pelbagai aspek kehidupan. Aspek-aspek tersebut ialah aspek roh, akal, tubuh badan dan kemasyarakatan. Sekiranya manusia tidak mengikut *manhaj* ini, maka kehidupan mereka akan rosak dan musnah.¹⁸⁴

vi. *Manhaj* yang seimbang

Manhaj yang seimbang di sini bermaksud *manhaj* yang mempunyai kekuatan dan keselarasan yang sama dari aspek rohani, jasmani, pemikiran dan sebagainya yang tersusun mengikut fitrah manusia. Ia merupakan *manhaj* yang tidak tertumpu kepada satu aspek sahaja di dalam diri individu kerana *manhaj* ini diambil daripada Islam yang merupakan agama yang seimbang, tersusun dan selaras dalam setiap urusannya. Ketiadaan keseimbangan ini dalam *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* akan menyebabkan manusia tidak boleh mengawal tindakan mereka dan melampaui di antara satu sama lain. Sebagaimana golongan sufi yang hanya mengambil berat terhadap amalan kerohaniannya sahaja maka dibimbangi akan membawa kepada kekufuran dan tidak percayakan kepada agama.¹⁸⁵

¹⁸⁴ c. Alī c. Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1991), *op.cit.*, j. 1, h. 391.

¹⁸⁵ *Ibid.*, h. 392.

3.8 Kesimpulan

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa antara ayat-ayat *Makkī* dan *Tarbiyyah Harakiyyah* mempunyai hubungan antara satu sama lain. Ayat-ayat *Makkī* adalah asas atau sumber rujukan kepada *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah. Malah ia adalah medium kepada baginda SAW dalam menyampaikan segala ajaran Islam kepada umatnya. Empat topik utama yang menjadi asas ayat-ayat *Makkī* adalah antara tarbiah utama Rasulullah SAW di Mekah. Oleh kerana itulah, didapati dalam ciri-ciri, objektif dan *manhaj* *Tarbiyyah Harakiyyah* menggambarkan kesempurnaan dan keistimewaan tarbiah yang di bawa oleh Rasulullah SAW. Melaluinya baginda SAW telah berjaya melahirkan para mujahid yang sanggup berkorban mempertaruhkan nyawa dan tidak gentar menghadapi ancaman musuh kerana yakin dengan jalan Allah SWT.